

**TEKS UCAPAN ALUAN  
YBHG. DATUK SERI DR ABDUL FATTAH  
ABDULLAH  
PRESIDEN ANGKASA  
PENGERUSI YAYASAN ANGKASA**

**MAJLIS PERASMIAN PENUTUPAN  
PROGRAM MOTIVASI PELAJAR**

# **PEMBIAYAAN PENDIDIKAN YAYASAN ANGKASA SESI 2023**

**19 OGOS 2023 (SABTU)**

**9.00 MALAM**

**GRAND BALLROOM  
SEMENYIH ECO RESORT**

Bismillahhirrahmannirrahim

Assalamualaikum WBT, Salam Sejahtera

Terima Kasih Pengacara Majlis

Salutasi terkini berada di rostrum

1. Alhamdulillah, syukur kepada Allah s.w.t, kerana Program Motivasi Pelajar Pembiayaan Pendidikan Yayasan ANGKASA sesi 2023 yang diadakan selama 3 hari 2 malam telahpun dimulakan dengan jayanya dan akan berakhir pada hari esok.

2. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada YBhg Datuk Hj. Mohammad Khairi bin Hj. A Malik Setiausaha Politik Menteri Pengajian Tinggi bagi mewakili YB Menteri Pengajian Tinggi kerana sudi hadir bagi merasmikan program ini.

3. Ribuan terima kasih juga diucapkan kepada semua peserta yang hadir dalam program motivasi ini. Program Motivasi yang dianjurkan ini merupakan salah satu inisiatif Yayasan ANGKASA supaya para pelajar diterapkan dengan nilai kerohanian supaya berjaya dunia dan akhirat serta memiliki keperibadian yang unggul

seterusnya menjadi contoh tauladan kepada masyarakat luar.

4. Program ini juga diadakan bertujuan mendedahkan pengetahuan mengenai gerakan koperasi di Malaysia khususnya berkenaan fungsi, peranan dan kejayaan gerakan koperasi sebagai memacu enjin pertumbuhan

ekonomi negara yang telah memberi banyak manfaat kepada kehidupan masyarakat di Malaysia.

5. Melalui program ini semangat kepimpinan dalam kalangan peserta dipupuk kerana nilai ini seharusnya dimiliki oleh setiap individu menjelang kedewasaan kerana semakin kita

membesar, semakin banyak tanggungjawab dan amanah yang akan dipikul baik dalam institusi keluarga maupun di dalam organisasi.

## **Para pelajar yang dikasihi sekalian**

6. Saya berharap para peserta dapat memanfaatkan segala ilmu yang

diberikan sepanjang 4 hari 3 malam di sini. Selain aktiviti ceramah di dalam dewan saya difahamkan pihak Yayasan ANGKASA turut menyediakan pelbagai aktiviti *outdoor* seperti *speed challenge*, *mud challenge*, *water confident*, dan kembara di mana setiap peserta diberi peluang untuk melakukan semua aktiviti ini.

## **Para pelajar yang dikasih sekalian**

7. Untuk makluman Pembiayaan Pendidikan Yayasan ANGKASA mempunyai keistimewaan yang mana pembiayaan ini boleh diubah kepada basiswa berdasarkan kelas pengijazahan. Bagi Kelas Pertama kadar pelupusan basiswa adalah 100%,

kelas kedua 40% dan kelas seterusnya adalah 100% pembiayaan. Pembiayaan Pendidikan Yayasan ANGKASA juga tidak dikenakan sebarang caj faedah atau bunga.

8. Selain memperolehi biasiswa penuh kerana mendapat ijazah kelas pertama, Yayasan ANGKASA juga

mengadakan Anugerah  
Kecemerlangan Pelajar Pembiayaan  
Yayasan ANGKASA pada setiap tahun  
bagi mengiktiraf kejayaan mereka  
dalam pelajaran.

9. Sebagai badan puncak gerakan  
koperasi yang diiktiraf oleh kerajaan,  
ANGKASA turut memperuntukkan

sebanyak RM1.5 juta setahun untuk disalurkan kepada Yayasan ANGKASA bagi memberi pembiayaan kepada ahli koperasi dan anak-anak ahli koperasi.

## **Para pelajar yang dikasihi sekalian**

10. Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada YBhg Datuk Hj. Mohammad Khairi bin Hj. A Malik Setiausaha Politik Menteri Pengajian Tinggi kerana sudi bersama dengan kita pada malam ini.

11. Saya berharap dengan terlaksananya program motivasi ini

pelajar mendapat manfaat secara terus khususnya dalam menggapai kecemerlangan dalam pelajaran. Anda semua adalah pelapis dan generasi baharu koperasi yang memacu gerakan ini agar lebih berdaya maju dan berdaya saing dalam pentas nasional dan juga global.

12. Semoga Pelajar Yayasan ANGKASA lebih bersemangat, kuatkan iltizam dalam menciptat kejayaan bukan sahaja untuk diri sendiri malah demi agama, bangsa dan juga negara.

**Sekian, Wabilahitaufik Taufik  
Walhidayah. Wassalamualaikum w.b.t.**